SAMPEL PERCUMA

# Trial STPM 2023 Sejarah Semester 1 Kelantan

## Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

**Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:**

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

# RM12.90

**BELI SET PENUH RM12.90 >**

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

**Set 1**

# 940/1(U1)2022 STPM
# 940/1 2023

## SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
## SEJARAH DUNIA (1500-1955)
## KERTAS 1 (ULANGAN 1) 2022 DAN KERTAS 1 2023

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN**
(KELANTAN EDUCATION DEPARTMENT)

# 2 JAM

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab* **empat** *daripada* **enam** *soalan. Anda boleh menjawab semua soalan,* **tetapi** *hanya* **empat** *jawapan pertama yang akan diperiksa.*

*Tulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan pada helaian jawapan yang baharu.*

@Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 2023

**Sulit**

***Jawab 4 soalan sahaja***

1. Huraikan struktur masyarakat feudal yang diamalkan di negara England pada abad ke-16 hingga ke-17.

(20 markah)

2. Bincangkan dasar pemerintahan Peter The Great 1689-1725 dalam aspek politik, ekonomi dan sosial yang membawa keutuhan negara Rusia.

(20 markah)

3. Bincangkan sistem ekonomi Feudalisme di China pada abad ke 16.

(20 markah)

4. Jelaskan idea-idea yang terkandung dalam buku *The Wealth Of Nation* oleh Adam Smith.

(20 markah)

5. Sejauh manakah sentimen anti asing menyebabkan tercetusnya Pemberontakan Boxer di China pada tahun 1899.

(20 markah)

6. Jelaskan implikasi Perang Dunia Pertama (1914 - 1918 ) dari aspek politik dan ekonomi .

(20 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SKIMA INI MERUPAKAN PANDUAN KEPADA PEMERIKSA. PEMERIKSA BOLEH MENAMBAH FAKTA DAN ISI YANG RELEVEN DENGAN KEHENDAK SOALAN.**

**Soalan 1**

**Huraikan struktur masyarakat feudal yang diamalkan di negara England pada abad ke-16 hingga ke-17.**

A. **Pendahuluan**

1.Masyarakat feudal merupakan sebuah masyarakat yang mangamalkan sistem hierarki atau susun lapis yang ditentukan melalui kedudukan pangkat dan pemilikan tanah.

2.Sistem feudal mula muncul di England semasa pemerintahan Raja William dan mula menjadi lebih sistematik dan berkembang di seluruh Eropah menjelang zaman pertengahan.

3.Masyarakat feudal di England terdiri daripada golongan pemerintah dan golongan yang diperintah.

4.Golongan pemerintah terdiri daripada raja, bangsawan dan pahlawan manakala golongan yang diperintah terdiri daripada petani dan hamba.

5.Setiap lapisan masyarakat dalam sistem feudal mempunyai kedudukan dan peranan masing-masing.

B. **Isi**

**1. Raja**

- Kedudukan paling tinggi dalam masyarakat feudal di England terletak pada raja.
- Dalam sistem feudal di England, raja mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Raja berganturng kepada golongan bangsawan bagi mengukuhkan kedudukan dan kekuasaannya.
- Semasa pemerintahan dinasti Tudor dan Stuarts, sistem pemerintahan monarki mutlak diamalkan di England.
- Walaupun pemerintah mempunyai kuasa mutlak, namun dalam menjalankan pemerintahan mereka tertakluk kepada undang-undang Magna Carta.

**2. Bangsawan (vassal)**

- Dalam susun lapis masyarakat feudal, golongan bangsawan berada di lapisan kedua di bawah raja.
- Golongan bangsawan membantu raja dalam hal ehwal pentadbiran dan menguruskan ekonomi.
- Mereka menerima dan memerintah tanah yang diperoleh secara langsung daripada raja. Sebagai balasan, golongan bangsawan membayar cukai dan memberikan bantuan ketenteraan kepada raja.
- Menjelang abad ke-16 dan 17, kedudukan dan peranan pengaruh golongan bangsawan merosot. Perkembangan dalam politik dan ekonomi menyebabkan kedudukan raja semakin kukuh.
- Kedudukan yang semakin kukuh membolehkan raja mengawal golongan bangsawan yang semakin lemah. Di samping itu, raja tidak bergantung kepada golongan bangsawan dalam menjalankan pentadbiran.

**3. Pahlawan (knight)**

- Dalam susun lapis masyarakat feudal, golongan pahlawan berada di bawah golongan bangsawan.
- Golongan ini mempunyai pasukan tentera dan menawarkan perkhidmatan tentera kepada raja dan tuan tanah.
- Mereka menerima ganjaran dalam bentuk tanah, harta rampasan perang daripada raja atau tuan tanah.
- Mereka juga mempunyai hak untuk mengutip cukai daripada penduduk di bawah penguasaan mereka.
- Menjelang abad ke-16 dan 17, perubahan dalam politik menyebabkan kedudukan dan peranan golongan pahlawan berubah.
- Perkembangan ini menyebabkan raja tidak bergantung kepada pahlawan untuk mendapat bantuan ketenteraan.
- Sebaliknya, raja menubuhkan pasukan tenteranya sendiri yang terdiri daripada petani dan rakyat biasa.

**Soalan 2**

**Bincangkan dasar pemerintahan Peter The Great 1689-1725 dalam aspek politik, ekonomi dan sosial yang membawa keutuhan negara Rusia.**

**A.Pendahuluan**

1. Tsar Peter Agung merupakan pemerintah Rusia antara tahun 1689 hingga 1725 selama 36 tahun.
2. Sepanjang pemerintahannya, beliau telah melakukan pelbagai pembaharuan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial dan keagamaan.
3. Sebelum menaiki takhta, beliau mengembara ke negara-negara Eropah Barat seperti Jerman, Belanda, Austria, Britain dan Perancis.
4. Kemajuan yang dicapai oleh negara-negara tersebut mendorong Tsar Peter Agung untuk melakukan pembaharuan bagi memajukan Rusia.
5. Terdapat pelbagai langkah yang dilakukan oleh Tsar Peter Agung bagi mengukuhkan pemerintahan monarki mutlak di Rusia.

**B. Isi**

**Pembaharuan Politik.**

**1. Pembaharuan dalam pemerintahan.**

- Semasa pemerintahan Tsar Peter Agung, sistem pemerintahan Rusia telah disusun semula.
- Beliau mewujudkan sistem pentadbiran pusat yang cekap dan teratur.
- Selain itu, beliau melakukan rombakan dalam institusi pentadbiran seperti Duma, Zemski Sobor dan Prikazi.
- Pada tahun 1711, Duma dan Zemskii Sobor digantikan dengan Majlis Senat.
- Beliau menubuhkan badan perundangan yang dikenali sebagai Colleges untuk mengurangkan beban tugas anggota Senat.
- Jelas, pembaharuan yang dilakukan oleh Tsar Peter Agung mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai pemerintah berkuasa mutlak di Rusia.

**2. Pembaharuan dalam bidang ekonomi.**

- Tsar Peter Agung mengambil langkah-langkah untuk memajukan sektor perindustrian.

- Semasa pemerintahannya, penekanan diberikan kepada pembangunan industri berat dan industri pembuatan.
- Kerajaan pusat memberikan pelbagai insentif dan subsidi untuk membangunakan sektor perindustrian.
- Tsar Peter Agung turut menggalakkan pemodal-pemodal asing mendirikan kilang di Rusia.
- Di samping industri berat seperti besi dan keluli, industri kaca dan barangan kulit turut dimajukan.
- Tsar Peter Agung turut memperkenalkan pelbagai jenis cukai untuk menambahkan perbendaharaan negara.
- Contohnya, beliau memperkenalkan cukai kepala yang dibayar dalam bentuk tunai pada tahun 1718 dan cukai tidak langsung.
- Kesan daripada pengenalan sistem cukai ini, maka perbendaharaan negara meningkat.
- Tuntasnya, perubahan yang beliau lakukan dalam bidang ekonomi telah dapat meningkatkan ekonomi dan mengukuhkan kedudukannnya di Rusia.

**3. Perubahan dalam bidang pendidikan.**

- Dalam konteks ini, Tsar Peter Agung memberi penekanan kepada kemajuan dalam bidang pendidikan.
- Beliau menghantar pelajar-pelajar ke barat bagi menuntut ilmu dan mempelajari kepakaran dalam bidang-bidang tertentu.
- Semasa pemerintahan beliau, banyak sekolah didirikan di seluruh Rusia.
- Antara sekolah-sekolah yang didirikan di Rusia adalah The Nagivator School dan Naval Academy.
- Sekolah-sekolah ini menekankan bidang Aritmetik, Geometri, Geografi dan pelayaran.
- Beliau merancang pembinaan sebuah universiti yang dikenali sebagai *The Imperial Academy of Science.*
- Justeru,, pembaharuan yang dilakukan dalam pendidikan menyaksikan pembangunan Rusia yang mengukuhkan kedudukan monarki di Rusia.

**4. Pembaharuan dalam bidang keagamaan.**

- Tsar Peter Agung telah bertindak menyusus semula pentadbiran gereja untuk mengurangkan kuasa dan keistimewaan yang dimiliki oleh gereja.
- Beliau bertindak meletakkan pentadbiran gereja di bawah bidang kuasanya.

- **Huraikan isi perlu dikaitkan dengan usaha Peter The Great untuk keutuhan negara Rusia.**

**Soalan 3**

**Bincangkan sistem ekonomi feudalisme di China pada abad ke 16.**

**A.Pengenalan**

- Ekonomi feudalisme di China berkait rapat dengan keadaan geografi Negara China. Dua per tiga daripada Negara China merupakan kawasan pergunungan dan gurun pula di sebelah barat dan utara.
- Oleh yang demikian, keluasan yang sesuai untuk pertanian hanyalah 15% sahaja. Namun China masih mampu untuk menampung makanan untuk penduduknya dan mampu mengeksport makanan ke luar negara.
- Sistem ekonomi feudalisme yang diamalkan di China memperlihatkan kawalan yang ketat daripada maharaja ke atas golongan petani dan pedagang asing yang berdagang di China.
- Pentadbiran maharaja China memainkan peranan utama dalam perkembangan ekonomi dan dibantu oleh golongan bangsawan sebagai penguasa kawasan luar bandar dan mengawal aktiviti ekonomi di kawasan luar Bandar.
- Kemakmuran ekonomi China pada zaman pemerintahan Dinasti Ming diperlihatkan dengan pertambahan penduduk kepada 150 juta pada akhir abad ke-16.
- Umumnya, sistem ekonomi feudalisme di China merangkumi pertanian, industri kecil, perdagangan dan hubungan luar.

**B. Isi**

1. **Pertanian.**

- Hasil pertanian menjadi penyumbang utama dalam ekonomi pada era pemerintahan Dinasti Ming. Justeru, hampir 85% masyarakat China masih menetap di desa. Kawasam tumpuan utama China ialah di kawasan laut Timur China dan Mongolia, iaitu di dataran loes yang subur yang dilalui oleh Sungai Kuning. Sungai Yangtze menjadi nadi kehidupan masyarakat dan penyumbang utama ekonomi, serta sistem perhubungan utama kepada 12 wilayah di bawah pemerintahan empayar China. Di sini, terbentuk Bandar-bandar besar China seperti Chungking, Hankow, Kiukiang, Anking dan Nanking.
- Tanaman utama yang diusahakan ialah padi sawah. Penanaman padi ini banyak diusahakan di kawasan lembah Sungai Yangtze dan Sungai Kuning. Tanaman lain yang diusahakan ialah kapas, tebu, teh, gandum, barli, sekoi dan lain-lain bijirin. Bagi masyarakat China yang tinggal di kawasan tanah tinggi seperti di bahagian utara China, iaitu di sekitar Sungai Heilongjiang, mereka menanam padi huma, sekoi dan kekacang. Kepelbagaian tanaman ini memperlihatkan kesuburan tanah dalam Negara China dan kekayaan alam semulajadi.

**Soalan 4**

**Jelaskan idea-idea yang terkandung dalam buku *The Wealth of Nation* oleh Adam Smith.**

**A.Pendahuluan**

1. Adam Smith merupakan seorang pakar ekonomi dan ahli falsafah dari Scotland. Beliau terkenal kerana pengaruh bukunya *The Wealth of Nation* dan dianggap sebagai Bapa Ekonomi moden. Beliau dilahirkan di Kirkcaldy, Fife, Scotland.
2. Pendidikan awalnya bermula di Burgh School of Kirkcaldy dan seterusnya mempelajari bidang falsafah moral pada tahun 1740 di Kolej Balliol, Universiti of Glasgow. Beliau memegang jawatan sebagai Reaktor Universiti Glasgow dari tahun 1787 hingga 1789. Beliau meninggal dunia pada 17 Julai 1790.
3. Adam Smith merupakan seorang tokoh terkenal dalam zaman pencerahan terutamanya dalam bidang ekonomi moden.Adam Smith mengasaskan disiplin ekonomi moden, polisi merkantalisme, monopoli negara, memperkenalkan kerajaan berasaskan pasaran bebas, menekankan kepentingan buruh dan pengkhususan pekerjaan.

**B.Isi**

1**. Pengasas kepada disiplin ekonomi moden**

- Sekitar abad ke-18, beliau telah memperkenalkan teori yang mengatakan bahawa seseorang individu boleh membina kehidupan bermoral dan berekonomi tapa bimbingan atau arahan daripada negara.
- Sesebuah negara akan menjadi kuat apabila rakyatnya bebas.
- Beliau juga mengetengahkan idea mengakhiri sistem feudal, polisi merkantilisme, monopoli negara, dan memperkenalkan kerajaan laissez-faire, iaitu kerajaan berasaskan pasaran bebas.

**2. Konsep ekonomi laissez-faire**

- Laissez-faire ialah istilah Perancis yang membawa maksud "biarkan keadaan seperti yang sedia ada".
- Konsep ini merujuk kepada kehendak sekumpulan pedagang
  Perancis yang mahukan urusan perdagangan mereka tidak diganggu oleh kerajaan.
- Doktrin ini dikembangkan oleh Adam Smith di England.

TAMAT SAMPEL

# Suka sampel ini?

## Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

**Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:**

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

# RM12.90

**BELI SET PENUH RM12.90 >**

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar